

## **PENGAMBILAN PEKERJA 'SITE STAFF'**

**(Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan)**

**TARIKH IKLAN** : 02 Mac 2020 (Isnin), 04 Mac 2020 (Rabu) dan  
07 Mac 2020 (Sabtu)

**TARIKH TUTUP IKLAN** : 23 Mac 2020 (Isnin)

## **JURUEKOPERTANIAN KANAN**

**TANGGAGAJI : B.3 (\$3,350.00 - \$3,640.00 SEBULAN)**

**TEMPOH : Kontrak 3 Tahun (36 Bulan atau sehingga projek selesai )**

## **SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:**

- a. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda atau yang sebanding dengannya dalam bidang Biologi / Pertanian / Sains Tumbuhan / Pembiakan Tanaman / Genetik / Bioteknologi atau yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

- b. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya selama sepuluh tahun dalam bidang pengurusan penanaman padi; dan
- c. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris adalah satu keutamaan.

## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Memastikan penanaman padi berhasil tinggi berskala besar di Kawasan Kemajuan Pertanian Kandol, Daerah Belait berkeluasan 500 hektar dilaksanakan mengikut sepertimana dijadualkan;
2. Memberikan perkhidmatan sokongan teknikal dan khidmat nasihat yang professional khususnya bagi tanaman padi kepada pihak operator teknikal;
3. Melaporkan sebarang serangan musuh perosak dan penyakit tanaman padi yang tidak dapat dikawal oleh pihak operator teknikal kepada Ketua Unit Industri Padi;
4. Menyediakan dan menghadapkan laporan setiap dua minggu kepada Ketua Unit Industri Padi;

5. Membantu dalam penggubalan dasar-dasar Jabatan yang berkenaan dengan industri padi; dan
6. Menjalankan tugas-tugas tambahan yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dari masa ke semasa.

**SYARAT-SYARAT LAIN:**

Pemohon yang berjaya akan dilantik selama 3 tahun secara berkontrak. Pembaharuan kontrak adalah tertakluk kepada penilaian prestasi dan perjanjian bersama.

Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk diluar masa pekerjaan biasa dan dimana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.

Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh Peraturan-Peraturan yang berkuatkuasa dari masa ke masa.

Pemohon yang berjaya akan terus dilantik kedalam jawatan yang dipohonkan secara berkontrak.

Pemohon adalah diperlukan untuk melengkapkan butir-butir keterangan kelulusan/pengalaman dan menyertakan gambar berukuran paspot yang terbaharu (borang tidak akan dikembalikan).

Jawatan yang dipohonkan hendaklah ditanda dengan terang/jelas di sampul surat dan dialamatkan kepada :

**PENGARAH PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN  
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
BANDAR SERI BEGAWAN BB3510  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Hanya pemohon yang dipilih akan dihubungi untuk ditemuduga. Surat permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat di atas tidak lewat pada **23 Mac 2020 (Isnin)**. Permohonan yang diterima lewat dari tutup iklan tidak akan dilayan.

Jawatan yang dipohonkan boleh juga diperolehi dalam laman sesawang:  
**[www.agriculture.gov.bn](http://www.agriculture.gov.bn)**

